



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 2 TAHUN 2004**

PEMBENTUKAN DAN PENGURUSAN
LAPISAN-LAPISAN GLMS

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur
Bahagian Kadaster



IBU PEJABAT JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
(Director General of Survey and Mapping Malaysia)
TINGKAT 1, BANGUNAN UKUR
JALAN SEMARAK
50578 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Jabatan Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Telefon : 03-2692 5932
03-2617 0800
Fax : 03-2691 7457
E-Mail hamidali@jupem.gov.my

Rujukan Kami : KTPK18/7/ 2.146 (8)
Tarikh : 31 Mac 2004

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 2 TAHUN 2004

PEMBENTUKAN DAN PENGURUSAN
LAPISAN-LAPISAN GLMS

Merujuk kepada perkara di atas dan sepertimana yang tuan-tuan sedia maklum, jabatan sedang berusaha untuk mewujudkan lapisan-lapisan maklumat dengan menggunakan modul GLMS (GIS Layer Management System) serta perisian GIS yang dibangunkan dan dibekalkan di bawah Projek Peningkatan Sistem Pengurusan Data Kadaster (*SPDK Upgrade*).

2. Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK) telah dibangunkan dan beroperasi sejak tahun 1999. Antara urusan yang telah dilaksanakan dalam sistem tersebut adalah pewujudan Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) di mana data-data ukur kelas satu dan dua telah ditawan dan disimpan dalam pangkalan data berkenaan.

3. Walau bagaimanapun, pangkalan data tersebut didapati tidak berupaya memenuhi kehendak pengguna ke atas maklumat lain seperti sempadan pentadbiran, nama jalanraya dan lain-lain lagi. Menyedari hakikat ini, maka JUPEM telah melaksanakan projek Peningkatan SPDK pada tahun 2002 yang bertujuan antara lainnya, untuk membentuk lapisan tambahan bagi membolehkan maklumat tambahan yang diperlukan pengguna ditawan dan disimpan.

4. Sehubungan dengan itu, semua JUPEM Negeri adalah dengan ini dikehendaki menjalankan kerja-kerja pembentukan, penawanan dan

penyelenggaraan lapisan-lapisan maklumat yang diperlukan. Maklumat yang perlu diberi keutamaan dalam proses penawanan tersebut adalah maklumat ukuran kelas 3 serta demarkasi, sempadan-sempadan pentadbiran, kawasan ber warta dan maklumat lot Permohonan Ukur (PU). Selain itu, antara maklumat tambahan yang turut perlu ditawan untuk lapisan tambahan termasuklah maklumat garisan sambungan, nama jalan, nama kampung, haidrografi dan bangunan.

5. Untuk melaksanakan pembentukan lapisan-lapisan, kemudahan bagi mewujud dan menawan data telah disediakan sebahagiannya dalam modul GLMS. Dengan menggunakan modul ini lapisan maklumat ukuran kelas 3 serta demarkasi, lot PU, garisan sambungan, nama jalan dan nama kampung bolehlah dibangunkan. Bagaimanapun, untuk lapisan-lapisan tambahan lainnya, perisian GIS yang turut dibekalkan di bawah projek Peningkatan SPDK hendaklah digunapakai.

6. Bagi memudahkan proses pembentukan, penawanan dan penyelenggaraan lapisan-lapisan maklumat tersebut dilaksanakan, satu garis panduan telah disediakan bagi menjelaskan prosedur yang perlu diikuti, yang dikembarkan bersama-sama ini sebagai **Lampiran "A"**.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '




(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia


Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Seksyen Penyelarasan dan Dasar
Kadaster


CARTA ALIR PENAWANAN UKURAN KELAS 3 DAN UKURAN DEMARKASI BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS




**CARTA ALIR PENAWANAN MAKLUMAT LOT PU
DARI PELAN PERMOHONAN BAGI MEMBENTUK
LAPISAN GLMS**




**CARTA ALIR PENAWANAN MAKLUMAT LOT PU BERDIGIT BAGI
MEMBENTUK LAPISAN GLMS**




**CARTA ALIR PENAWANAN
MAKLUMAT LOT PU DARI DARI SYIT LITHO
BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS**




**CARTA ALIR PENAWANAN GARISAN SAMBUNGAN
BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS**




CARTA ALIR PENAWANAN NAMA JALANRAYA BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS



CARTA ALIR PENAWANAN NAMA KAMPUNG BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS



**CARTA ALIR PENAWANAN SEMPADAN PENTADBIRAN
BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS**



**STRUKTUR DATA BAGI SEMPADAN PENTADBIRAN
- LAPISAN DAERAH (POLYGON FEATURE)**

FIELD	TYPE
NEGERI	30
KOD_NEGERI	2
DAERAH	30
KOD_DAERAH	2
LUAS	Dec(16,3)
PERIMETER	Dec(16,3)

**STRUKTUR DATA BAGI SEMPADAN PENTADBIRAN
- LAPISAN MUKIM (POLYGON FEATURE)**

FIELD	TYPE
NEGERI	30
KOD_NEGERI	2
DAERAH	30
KOD_DAERAH	2
MUKIM	30
KOD_MUKIM	2
LUAS	Dec(16,3)
PERIMETER	Dec(16,3)


**STRUKTUR DATA BAGI SEMPADAN PENTADBIRAN
– LAPISAN SEKSYEN (POLYGON FEATURE)**

FIELD	TYPE
NEGERI	30
KOD_NEGERI	2
DAERAH	30
KOD_DAERAH	2
MUKIM	30
KOD_MUKIM	2
SEKSYEN	30
KOD_SEKSYEN	3
LUAS	Dec(16,3)
PERIMETER	Dec(16,3)

Catatan:

FIELD	ULASAN
NEGERI	Nama negeri tersebut. Contohnya PERAK.
KOD_NEGERI	Kod negeri tersebut. Contohnya 14.
DAERAH	Nama daerah tersebut. Contohnya BATU, CHERAS.
KOD_DAERAH	Kod daerah tersebut. Contohnya 02,04.
MUKIM	Nama mukim/bandar/pekan tersebut. Contohnya PETALING, HULU SELANGOR.
KOD_MUKIM	Kod mukim/bandar/pekan tersebut. Contohnya 02,04,44.
SEKSYEN	Nama seksyen tersebut. Contohnya SEKSYEN 11,SEKSYEN 99.
KOD_SEKSYEN	Kod seksyen tersebut. Contohnya 002,044.
LUAS	Keluasan kawasan tersebut dalam unit meter persegi.
PERIMETER	Perimeter kawasan tersebut dalam unit meter.

**CARTA ALIR PENAWANAN KAWASAN BERWARTA
BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS**




**STRUKTUR DATA BAGI
KAWASAN BERWARTA (POLYGON FEATURE)**

FIELD	TYPE
NO_PW	Char(15)
TUJUAN_WARTA	Char(70)
NO_WARTA	Char(10)
TARIKH_WARTA	Char(8)
KELUASAN	Dec(16,3)
FAIL_UKUR	Char(30)
RUJ_FAIL_PEMOHON	Char(30)

Catatan:

FIELD	ULASAN
NO_PW	Nombor Pelan Warta tersebut. Contoh PW123; PW566.
TUJUAN_WARTA	Tujuan pengwartaan diadakan. Contohnya pengwartaan kawasan pilihanraya.
NO_WARTA	No pengwartaan bagi Pelan Warta tersebut di dalam Warta Kerajaan. Contohnya PU(A)139.
TARIKH_WARTA	Tarikh ianya diwartakan di dalam Warta Kerajaan dalam format YYYYMMDD. Contohnya 20030512 (12 Mei 2003)
KELUASAN	Luas kawasan pengwartaan di dalam unit meter persegi. Contohnya 1000.235
FAIL_UKUR	Nombor fail ukur bagi Pelan Warta tersebut. Contohnya JUWP10/2003.
RUJ_FAIL_PEMOHON	Nombor rujukan fail pemohon kawasan pengwartaan tersebut. Contohnya SPR12/SULIT/P1

**CARTA ALIR PENAWANAN MAKLUMAT HIDROGRAFI BAGI
MEMBENTUK LAPISAN GLMS**




**STRUKTUR DATA BAGI
MAKLUMAT HIDROGRAFI (POLYGON AND LINE FEATURE)**

<i>FIELD</i>	<i>TYPE</i>
NAMA	Char(40)
JENIS	Char(20)

Catatan:

<i>FIELD</i>	<i>ULASAN</i>
NAMA	Nama data hidrografi tersebut. Contohnya Sungai Gombak.
JENIS	Jenis data hidrografi tersebut. Contohnya sungai, tali air dan sebagainya.

**CARTA ALIR PENAWANAN MAKLUMAT BANGUNAN
BAGI MEMBENTUK LAPISAN GLMS**



**STRUKTUR DATA BAGI
DATA BANGUNAN (*POLYGON FEATURE*)**

FIELD	TYPE
NOMBOR	Char(15)
JENIS	Char(20)
BENTUK	Char(20)
PA_STRATA	Char(15)

Catatan:

FIELD	ULASAN
NOMBOR	Nombor bangunan tersebut. Contohnya 25A, M1, 49.
JENIS	Jenis gunatanah bangunan tersebut. Contohnya kediaman, perindustrian, setinggan dan sebagainya.
BENTUK	Bentuk bangunan tersebut. Contohnya Kondominium, Teres dan sebagainya.
PA_STRATA	Pelan Akui Strata bagi bangunan tersebut tanpa folio. Contoh PA(B)606338